*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 29 September 2017

1. Syurga 129 Kucing: Hariam Metro
2. Ayam Ketawa Tarik perhatian pengunjung; Utusan Malaysia

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ☑ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN :Setempat** | **M/SURAT:** 2 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☐ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☑ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☐ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ☐ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

| TARIKH |
|---|
| 29 September 2017 |



2 A | setempat | 29-09-2017

"Setiap hari kami tidur jam 3 atau 4 pagi untuk mengemas bilik kucing dan memberi rawatan kepada kucing yang sakit
Mohamad Noor Awang Hamat

# Syurga 129 kucing

Norazimah Narudin
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Walaupun tidak mempunyai pendapatan tetap, pasangan suami isteri yang tinggal di Jalan Kupang, Skudai Kiri, di sini, tidak menjadikannya penghalang untuk menjaga dan memberi perlindungan kepada 129 kucing jalanan yang mereka kutip di sekitar bandar raya ini.

Sebagai pencinta kucing, Nurul Syamira Mohd Syarif, 25, dan suami Mohamad Noor Awang Hamat, 41, mula mengutip dan membela haiwan yang terbiar di jalanan sejak dua tahun lalu.

Meskipun menyara keluarga dengan menjual kacang, mereka sanggup berkorban apa saja bagi memastikan semua kucing dalam jagaan mendapat makanan dan perubatan sewajarnya.

Pasangan itu juga menggadaikan barang kemas dan telefon bimbit selain tidak membeli baju raya bagi memastikan 'anak' mereka dapat makan.

"Biar saya susah payah jaga kucing ini, saya tidak akan bagi mereka kepada orang lain. Ini dunia kami berdua dengan kucing yang dianggap sebagai anak sendiri.

"Setiap malam saya mendapat keuntungan sekitar RM50 hasil jualan kacang dan duit itu saya gunakan untuk membeli makanan kucing.

"Kami bekerja pun untuk kucing ini supaya mereka terus dapat makan dan tempat tinggal," katanya ketika ditemui di rumahnya.

NURUL Syamira dan Mohamad Noor meluangkan masa bersama kucing kesayangan mereka.

## Pasangan suami isteri gadai barang kemas, telefon bimbit 'sara' haiwan dikutip tepi jalan

Nurul Syamira berkata, dia mula meminati dan menyayangi kucing selepas berkahwin dengan suaminya yang menggemari haiwan manja itu dan mereka sanggup berpindah ke rumah sewa demi keselesaan kucing yang dibela.

Menurutnya, setiap kucing itu mempunyai nama dan cerita sendiri ketika mereka diselamatkan dan tidak mempunyai masalah untuk mengingati nama setiap kucingnya.

"Walaupun kami belum dikurniakan anak, kami bahagia apabila dapat bersama-sama kucing, mereka ibarat anak kami," katanya yang berumah tangga dua tahun lalu.

Sementara itu Mohamad Noor berkata, setiap hari dia dan isteri mengurus dan membersihkan bilik yang menempatkan semua kucing kesayangan mereka.

"Setiap hari kami tidur jam 3 atau 4 pagi untuk mengemas bilik kucing dan memberi rawatan kepada kucing yang sakit. Ini rutin kami berdua," katanya.

Menurutnya, dalam masa sebulan dia dan isterinya menghabiskan RM1,700 hasil jualan kacang untuk membeli keperluan kucing seperti ubat-ubatan dan makanan.

"Kami pernah mendapat kecaman orang ramai, menuduh kami mengambil kesempatan dan menipu untuk mendapatkan duit segera apabila saya meminta pertolongan di Facebook," katanya.

Menurutnya, dia dan isterinya tidak kesah dengan kecaman orang ramai dan akan membela kucing berkenaan selagi termampu dan percaya rezeki pasti datang jika berbuat baik kepada haiwan.

"Kucing ibarat anak kami"
Nurul Syamira

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☑ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN :Dalam Negeri** | **M/SURAT:** 8 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☐ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☑ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☐ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ☐ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

| TARIKH |
|---|
| 29 September 2017 |



# Ayam 'ketawa' tarik perhatian pengunjung

**KUALA LUMPUR 28 Sept.** - *Jika dahulu kecantikan ayam serama yang bernilai puluhan ribu menjadi perhatian, kini ayam 'ketawa' dengan keunikannya dari segi suara dan nada kokokan pula menjadi kegilaan.*

Baka ayam jantan berasal dari Indonesia yang harganya boleh mencecah antara RM1,000 sehingga RM3,000 itu pasti mencuit hati banyak pengunjung sebaik sahaja mendengar bunyi kokok ayam tersebut.

Setiausaha Persatuan Ayam Hiasan Malaysia (Mopa), Zizi Hassan berkata, baka ayam berkenaan yang sememangnya menghasilkan bunyi kokok seakan-akan ketawa kebiasaannya dijual mengikut nada dan suara yang dihasilkan.

"Ayam yang sempurna kokokannya, harganya lebih mahal. Ayam jenis ini banyak nada kokok yang boleh dihasilkan bergantung kepada baka dan kacukannya.

"Jika seseorang peminat mahu membelanya, mereka biasanya membeli ayam jenis dewasa kerana kesempurnaan nada kokok ayam tersebut. Jika dijual ketika masih kecil harganya agak murah dan bunyi kokok tidak pasti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Selain ayam 'ketawa', ayam jenis pekin yang menjadi salah satu pilihan sebagai haiwan peliharaan turut menjadi tarikan di samping pelbagai baka ayam yang didatangkan khas dari luar negara.

Zizi berkata, kebanyakan daripada ayam tersebut diimport dari Belanda, China dan United Kingdom (UK), khas bagi peminat ayam di negara ini.

"Ada peminat yang cuba nak kacuk ayam jenis Brahma dan ayam kampung untuk mendapatkan hasil menarik.

"Segalanya bergantung kepada mereka dan kesesuaiannya," ujar beliau.

Mopa katanya, akan membantu sebaik mungkin untuk memastikan peminat berpuas hati. ujarnya.

**ORANG ramai memenuhi ruang pameran hasil pertanian dan ternakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Kuala Lumpur, semalam.**